

# Anwar nafi kerajaan lulus bina kasino di Forest City

BERITA HARIAN 26 APR 2024 m/s: 3

## PM tegaskan laporan Bloomberg tidak betul

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dakwaan kerajaan akan meluluskan pembinaan sebuah lagi kasino berlesen di Forest City, Johor.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa laporan media yang memetik sumber, kononnya ada rancangan untuk membuka kasino berlesen kedua itu adalah

tidak betul.

“Tiada kasino berlesen...tipu...tidak betul,” tegasnya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis MADANI Muhibah Aidilfitri di pekarangan Kementerian Komunikasi serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Hadir sama Menteri KPKT, Nga Kor Ming dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Majlis itu turut dihadiri Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali dan Timbalan Pengarah Kumpulan Berita Harian (BH), M Thillindan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan replika cek kepada lima penerima Program Baik Pulih Rumah di Bandar Tahun 2024 yang masing-masing

menerima peruntukan sebanyak RM20,000.

Rumah terbuka yang dihadiri kira-kira 5,000 tetamu itu turut diserikan dengan persembahan artis terkenal seperti Datuk Seri Siti Nurhaliza, Hazama, Azlina Aziz dan Aisah Retno.

### Dakwa bertemu hartawan

Terdahulu, agensi berita, *Bloomberg* dalam laporan memetik sumber, mendakwa Perdana Menteri sudah bertemu dengan dua hartawan terkemuka minggu lalu bagi membincangkan rancangan membuka kasino di Forest City.

Laporan itu mendakwa Anwar, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan mengadakan makan tengah hari dan mesyuarat mengenai kemungkinan memberikan lesen kasino kedua Malaysia.

*Bloomberg* mendakwa, turut berada dalam mesyuarat itu ialah Pengasas dan Penasihat Berjaya Corporation Berhad, Tan Sri Vincent Tan dan bekas pengerusi serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Genting Hong Kong Ltd, Tan Sri Lim Kok Thay.

Sementara itu, Kor Ming berkata, sepanjang tahun ini, sebanyak RM35.84 juta peruntukan Bantuan Baik Pulih Rumah di Bandar sudah diluluskan kepada 1,791 ketua isi rumah seluruh negara.

“Tahun lalu 4,200 rumah daif dan usang berjaya diperbaiki dan tahun ini kita perhebatkan usaha itu dengan RM40 juta diperuntukkan bagi tujuan berkenaan. Dalam tempoh dua tahun ini, 8,000 rumah dijangka dapat diperbaiki,” katanya.